

Headline **Unicef, Tesco laksana kempen pendidikan**
Date **28 Sep 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **Siti Haliza Yusop**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **4,21**
Article Size **263 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,579**
PRValue **16,736**



Unicef, Tesco laksana kempen pendidikan

Kumpul dana bagi kanak-kanak tak bernasib baik

KORPORAT & KOMUNITI

Oleh **Siti Haliza Yusop**
shyusop@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Tabung Pendidikan Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) menjalin kerjasama dengan pasar raya Tesco (Malaysia) dalam kempen pendidikan bagi mengumpul dana buat kanak-kanak tidak bernasib baik di seluruh dunia yang berlangsung dari Ogos hingga Disember ini.

Kempen turut bertujuan meningkatkan kesedaran dan pemahaman berhubung hak kanak-kanak, menyaksikan orang ramai turut berkesempatan bermain permainan papan, 'Rights and Ladders' di pasar raya Tesco seluruh negara sambil mempelajari dengan lebih mendalam mengenai kanak-kanak dan hak mereka.

Wakil Unicef di Malaysia, Youssef Oomar, berkata Tesco turut bermurah hati dengan menyediakan beberapa ruang bagi membolehkan



Unicef membuka booth, 'Face to Face', sekali gus mengumpul dana bagi membiayai program dijalankan di seluruh dunia.

"Face to Face adalah kempen penting dalam membiayai semua program dijalankan Unicef dan setakat ini kami sudah mempunyai lebih 150,000 penderma di seluruh dunia.

"Semua dana yang berjaya

FF *Face to Face adalah kempen penting dalam membiayai semua program dijalankan Unicef dan setakat ini kami sudah mempunyai lebih 150,000 penderma di seluruh dunia"*

Youssef Oomar
Wakil Unicef Di Malaysia

diperoleh akan digunakan bagi membiayai program melindungi kanak-kanak, terutama yang terdedah kepada keganasan, eksploitasi dan HIV selain meningkatkan akses pendidikan dan kesihatan mereka.

"Oleh kerana kanak-kanak adalah aset penting sesebuah negara pada masa hadapan, kita perlu melakukan sesuatu bagi memastikan setiap seo-

rang daripada mereka mendapat pendidikan sempurna, sihat dan dilindungi." katanya menerusi kenyataan kepada Berita Harian.

Youssef berkata, misi Unicef ialah membantu kanak-kanak terbabit memenuhi keperluan asas, selain membuka peluang bagi mereka mencapai potensi penuh seiring kandungan Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) iaitu konvensyen antarabangsa yang menekankan hak buat semua kanak-kanak.

"Walaupun banyak peningkatan dalam hak kanak-kanak berjaya dicapai sejak 20 tahun lalu, tapi masih ada yang perlu dilakukan.

"Konvensyen ini mengkehendaki beberapa perubahan termasuk meletakkan kanak-kanak sebagai salah satu unsur penting dalam pembangunan insan." katanya.

Beliau berkata, jalinan kerjasama antara Unicef dan Tesco adalah sesuatu yang baik dan bukan sekadar bertujuan melindungi hak kanak-kanak tetapi pada masa sama meningkatkan kesedaran mengenai CRC.